



TEKS UCAPAN

**YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN GERAN BANTUAN
KEWANGAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM**

3 NOVEMBER 2022 (KHAMIS)

3.00 PETANG

HGH CONVENTION CENTRE, KUALA LUMPUR

SALUTASI

**Yang Berbahagia Dato' Indera Noridah binti Abdul
Rahim
Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara**

**Yang Berusaha Dr. Kang Tong Hum
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara**

**Yang Berbahagia Dato' Hajah Norison binti Ramli
Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional**

**Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Perpaduan
Negara;**

Pengarah-pengarah Perpaduan Negeri;

Pengerusi / Wakil Rumah Ibadat Selain Islam,

**Tuan-Tuan, Puan-Puan Keluarga Malaysia yang saya
kasihi.**

Assalamu'alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh
Salam Perpaduan Keluarga Malaysia

1. **Terima kasih atas kehadiran** semua Pengerusi dan wakil-wakil Rumah Ibadat Selain Islam ke **Majlis Penyampaian Geran Bantuan Kewangan Rumah Ibadat Selain Islam** pada petang ini.
2. Ini merupakan **kali kedua** pengerusi dan wakil rumah ibadat selain Islam dijemput bagi menerima geran bantuan kewangan. Majlis penyampaian geran bantuan kewangan **yang pertama telah diadakan pada 6 Julai 2022** yang lalu.
3. **Bajet 2022** telah memperuntukkan **sebanyak RM30 juta** melalui Kementerian Perpaduan Negara bagi tujuan ini.
4. **Untuk mendapatkan geran ini, rumah ibadat mesti berdaftar dan memenuhi syarat** yang ditetapkan.

5. Skop kerja **pembaikan** melibatkan **tiga (3) kategori** iaitu:
- (i) **Kerja-kerja sivil**;
 - (ii) **Kerja-kerja penyelenggaraan** seperti penggantian peralatan dan perabot sedia ada yang telah rosak serta kerja-kerja elektrik dan mekanikal; dan
 - (iii) **Kerja-kerja kecemasan** yang perlu dilaksanakan segera akibat bencana alam atau lain-lain sebab.
6. Saya telah **memastikan urusan permohonan geran dipermudahkan** khususnya syarat kelayakan tanah dengan memperluaskan dokumen yang boleh dipertimbangkan.
7. Antara dokumen berikut boleh diterima:
- i. Hak milik Kekal;
 - ii. Hak milik Sementara;
 - iii. Surat Pengesahan permohonan pertukaran syarat nyata tanah;
 - iv. Surat Kebenaran Pemilik Ladang;

- v. Surat Kebenaran Persatuan Rumah Ibadat / Pemegang Amanah;
- vi. Tapak yang di Gazet oleh Kerajaan Negeri; atau
- vii. Surat Pengesahan Pentadbir Tanah dan Daerah.

8. Pada petang ini, jumlah keseluruhan peruntukan disalurkan adalah sebanyak **RM14,036,000.00**, melibatkan **203 buah rumah ibadat** daripada **15 buah negeri**.

9. **Bilangan rumah ibadat dan jumlah peruntukan mengikut agama** adalah seperti berikut:

Bil.	Agama	Bilangan Rumah Ibadat	RM
1	Buddha	60	3,663,000.00
2	Kristian	21	1,511,000.00
3	Hindu	58	4,579,000.00
4	Sikh	4	331,000.00
5	Tao	60	3,952,000.00
Jumlah		203	14,036,000.00

10. Pemberian bantuan ini merupakan komitmen Kerajaan seiring dengan teras Aspirasi Keluarga Malaysia iaitu **Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran.**

11. Akhir kata, sekali lagi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat.

Sekian Wabillahi Taufik Wal Hidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.